

Politik Pilihan Raya Dalam PRU-14 Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (N10) Damak, Jerantut, Pahang Darul Makmur

Election Politics In GE-14 In The State Assembly Constituency (N10) Damak, Jerantut, Pahang Darul Makmur

Nor Shafika Johari
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Politik pilihan raya iaitu isu semasa yang dipolitikkan mendapat perhatian seterusnya sokongan pengundi kepada parti politik masing-masing menjelang pilihan raya umum untuk mengekalkan kuasa mahupun merampas kuasa daripada pihak. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis senario politik pilihan raya menuju PRU-14 di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang. Dari segi geografi pilihan raya, DUN Damak merupakan kawasan yang terdiri daripada kawasan bandar, separa bandar dan luar bandar yang mempunyai 20 kawasan daerah mengundi serta merupakan kawasan majoriti etnik Melayu. Bagi mencapai objektif kajian 100 orang responden telah dipilih yang merupakan pengundi di kawasan tersebut dengan menggunakan instrumen borang soal selidik, pemerhatian di lapangan serta rujukan terhadap sumber sekunder yang berkaitan. Data daripada borang soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dibentangkan dalam bentuk jadual serta rajah. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi dan partisipasi responden adalah berbeza-beza berdasarkan kepelbagaian latar belakang demografi dan sosioekonomi mereka. 50.0 peratus pengundi di kawasan DUN Damak dikenal pasti bergiat aktif berpartisipasi dalam politik dengan mendengar ceramah politik yang dianjurkan semasa kempen pilihan raya. Pandangan mereka dalam politik tempatan ini juga dipengaruhi oleh sumber-sumber maklumat politik yang disampaikan dan 32.0 peratus daripada keseluruhan responden menyatakan penggunaan media alternatif merupakan satu medium baru untuk mendapatkan sumber maklumat berkaitan politik kerana media ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja dan 37.0 peratus responden menyatakan bahawa mereka paling mempercayai sumber maklumat politik daripada media elektronik. Dari segi sokongan kepada parti politik pula, majoriti responden menyatakan keyakinan rakyat terhadap pemimpin sedia telah terhakis dan jangkaan perubahan besar dalam politik tanah air akan berlaku pada PRU-14.

Kata kunci: Pilihan raya, faktor sokongan, calon, perlakuan mengundi, politik pilihan raya

ABSTRACT

Electoral politics, which is a current issue that is politicized, gets the attention of voters to their respective political parties ahead of the general election to maintain power or seize power from the party. Therefore, the purpose of this study is to analyze the political scenario of the election towards GE-14 in the Damak state constituency, Jerantut, Pahang. In terms of electoral geography, Damak DUN is an area consisting of urban, semi-urban and rural areas with 20 voting districts and is an ethnic Malay majority area. To achieve the objectives of the study, 100 respondents were selected who are voters in the area by using the instrument of questionnaires, field observations and references to relevant secondary sources. Data from the questionnaires were analyzed using SPSS software and presented in the form of tables and diagrams. The results of the study found that respondents perceptions and participation varied based on the diversity of their demographic and socioeconomic backgrounds. 50.0 per cent of voters in the Damak state constituency were identified as actively participating in politics by listening to political talks organized during the election campaign. Their views on local politics are also influenced by the sources of political information presented and 32.0 percent of all respondents stated that the use of alternative media is a new medium to obtain sources of information related to politics because this media can be accessed by anyone and 37.0 percent of respondents stated that they trust the most sources of political information from the electronic media. In terms of support for political parties, the majority of respondents stated that the people's confidence in the existing leaders has eroded and the expectation of major changes in the country's politics will occur in the GE-14.

Keywords: Elections, support factors, candidates, voting behavior, electoral politics

1. Pengenalan

Pilihan raya merupakan salah satu sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia di mana proses mengundi menjadi kaedah untuk memilih calon yang sesuai untuk mewakili rakyat di Parlimen. Proses ini merupakan satu mekanisme yang digunakan dalam memilih calon yang sesuai bagi mengisi jawatan sebagai penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan Kerajaan Tempatan. Rakyat diberi mandat untuk memilih pemimpin yang akan mewakili mereka sekaligus menjadi wakil rakyat di Parlimen. Malaysia mengamalkan sistem demokrasi kerana ia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Corak demokrasi yang diamalkan di Malaysia adalah Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan YDPA sebagai Ketua Negara. Demokrasi Berparlimen di Malaysia menetapkan hanya wakil-wakil yang sah dipilih oleh rakyat akan menduduki parlimen seterusnya menjalankan pemerintahan melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pilihan raya yang dijalankan lima (5) tahun sekali di Malaysia ia dipantau oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia telah dijalankan selama 14 kali. Di Malaysia bagi calon yang bertanding untuk menjadi pemimpin terdiri daripada calon dari pelbagai parti yang terdiri daripada parti kerajaan pembangkang. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis senario politik pilihan raya menuju PRU-14 di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang.

2. Tinjauan Literatur

Junaidi et al. (2015) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Rompin 2015 mendapati sentimen politik pembangunan terus ditagih oleh pengundi dalam PRK Rompin. Keputusan PRK ini menunjukkan BN berjaya mengekalkan kerusi yang dimenangi oleh parti tersebut pada PRU-13, 2013 yang lalu. Oleh itu, dalam PRK ini memperlihatkan pemimpin atau calon lama tetap dipilih oleh rakyat di kedua-dua kawasan ini. Ini menunjukkan ikatan identifikasi parti pengundi begitu kuat kepada BN di Rompin walaupun parti ini meletakkan calon lama sebagai calon dalam pilihan raya kecil ini.

Junaidi dan Mohd Fuad (2016) dalam kajian trend pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) Kerdau (Pahang) menunjukkan sokongan terhadap UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu. Ini mengukuhkan lagi hegemoni UMNO terhadap pengundi Melayu dalam persada politik negara hingga sekarang. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya menerima maklumat daripada media arus perdana; yang juga dibelenggu kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen 'Politik Pembangunan' yang masih memerlukan bantuan atau 'tongkat' serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai 'tuan' dan penduduk 'asal' di Malaysia ini dan berpandangan hanya UMNO/BN yang layak dan sesuai mentadbir negara dan negeri berdasarkan pengalaman 56 tahun memerintah negara dan negeri, akan terus menyokong UMNO/BN.

Azman et al. (2016) dalam artikel beliau yang bertajuk Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: Kajian kes FELDA Kuala Krau mendapati bahawa peningkatan berlaku pada faktor calon yang akan mempengaruhi undian mereka pada pilihan raya akan datang. Perkara ini jelas menunjukkan faktor calon yang mempunyai ciri kepimpinan yang baik seperti berwibawa serta lengkap dengan pakej yang dikehendaki pemilih akan menjadi pilihan mereka untuk diundi. Bagi faktor parti, keberkesanan sesebuah parti dalam membentangkan manifesto serta hala tuju parti tersebut tetap menjadi perhatian pengundi untuk mengundi atas dasar faktor parti. Jika sesebuah parti dikatakan kukuh dari segi pentadbiran serta perjuangannya maka kesetiaan pengundi yang memilih faktor parti sebagai faktor yang mempengaruhi undi mereka akan terus kekal pada pilihan raya akan datang.

Nurul Izzatie (2019) dalam kajian politik pilihan raya di DUN Pelangai, Bentong, Pahang mendapati bahawa pengundi di kawasan ini lebih dominan dalam menyokong parti politik yang sudah lama memegang pemerintahan iaitu Barisan Nasional (BN). Pertukaran Kerajaan Persekutuan yang jatuh kepada Pakatan Harapan (PH) sedikit sebanyak mempengaruhi pengundian di DUN Pelangai namun BN masih dapat mengekalkan kedudukan. Kerajaan Negeri masih dipegang oleh BN kerana kepercayaan pengundi terhadap parti yang boleh membawa kemajuan kepada negeri. Kebajikan rakyat juga dijaga serta perkhidmatan yang ditawarkan dapat memuaskan hati rakyat. Kebangkitan PH dalam PRU kali ini memberi kesan terhadap kepimpinan BN dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Untuk memenangi pilihan raya akan datang BN dan PAS perlu mengambil inisiatif dengan membuat satu gabungan supaya dapat mengambil semula tampuk pemerintahan negara.

Tambahan pula, menurut Md. Nadzri (2019), meskipun strategi pertembungan tiga penjurong telah mengekalkan status quo di Pahang, tetapi corak pengundian yang menolak BN di negeri itu adalah hampir sama di negerinegeri lain di Semenanjung. Hal ini memperjelaskan mengapa kerusi BN di Pahang khususnya kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pahang semakin berkurangan dengan ketara di dalam

PRU 14, dan pihak pencabar hanya kekurangan beberapa kerusi sahaja untuk menafikan majoriti BN. Malah persaingan tiga penjujur telah mengelakkan BN daripada kalah dengan lebih teruk di peringkat parlimen disamping mempertahankan kedudukannya sebagai kerajaan negeri di Pahang. Artikel ini berharap untuk menambah korpus ilmu secara khusus di dalam politik pilihan raya Pahang dan perspektif regionalisme dalam memahami politik Malaysia secara amnya.

Menurut Suresh Kumar (2019), pengundi dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) di Cameron Highlands, Pahang memilih untuk mengundi Barisan Nasional berbanding parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan. Faktor parti Barisan Nasional menjadi pilihan pengundi adalah disebabkan oleh faktor kesetiaan pengundi kepada Barisan Nasional dan kerjasama antara PAS-UMNO menyebabkan kesesuaian calon yang bertanding. Oleh sebab itu, pengundi lebih menerima faktor tarikan Barisan Nasional.

Khalida Najwa (2021) dalam kajian yang bertajuk “Keperluan pengundi untuk mengundi di kawasan tempat bekerja: Kajian kes di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tras, Raub, Pahang” menjelaskan bahawa responden lebih mempercayai sumber maklumat daripada media online/sosial iaitu dengan jumlah sebanyak 46 peratus responden. Responden juga memilih kriteria parti politik yang paling utama adalah parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan iaitu ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah. Responden berpendapat bahawa mengundi di tempat bekerja akan menjimatkan masa dan kos. Selain itu, 76 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘Kerajaan negeri Pahang berjaya menangani penularan wabak pandemik Covid-19 dengan baik’. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak kerajaan dan parti politik dalam memahami denyut nadi rakyat.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 *Tata cara pengumpulan data*

Bagi mendapatkan data soal selidik dalam kajian ini, seramai 100 responden telah diberikan borang soal selidik berdasarkan kepada dua kawasan Daerah Mengundi di bandar dan luar bandar. Pemberian borang soal selidik di dua DM adalah lebih tertumpu kepada kawasan kejiranan, masjid, kedai-kedai serta restoran-restoran yang berada di kawasan kajian.

3.2 *Analisis data*

Data yang diperoleh di lapangan dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif dan analitikal. Borang kaji selidik yang telah siap diisi telah diproses dan dianalisis. Kaedah ini akan membolehkan maklumat yang dipersembahkan dengan lebih mudah dan tepat. Selain itu data sekunder yang berkaitan akan digunakan untuk menguatkan dapatan dan perbincangan hasil kajian. Kaedah ini akan menerangkan sebab dan kesan tentang hasil kajian yang diperoleh. Data primer dan sekunder diubahsuai dan dipersembahkan dalam bentuk jadual mudah. Penganalisan data akan dilakukan dengan menggunakan program *Statistics Package for Social Science extra* (SPSSx) yang disokong dengan kajian lepas dan sumber sekunder yang berkaitan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Melalui penggunaan SPSS, penyelidik dapat membuat pengiraan dengan menggunakan teknik statistik deskriptif

dan hasilnya dapat dipersembahkan sama ada dalam bentuk jadual, carta, rajah dan graf.

3.3 Kawasan Kajian

Kampung Damak merupakan salah satu daripada 7 buah Kampung di Mukim Ulu Cheka yang terletak di daerah Jerantut. Jumlah keluasan kampung Damak seluas 447.4 batu /per. Kampung ini bersempadan dengan Kampung Som, Kampung Batu Balai dan Kampung Koi. Menurut cerita lisan, Kampung Damak telah dibuka pada 1935 oleh Muhamad Imam Mansu atau nama gelarannya oleh penduduk setempat sebagai Mat Eling. Beliau berasal dari kampung Limau Purut, Mela. Nama Kampung Damak ini berasal daripada nama pokok, iaitu pokok Damak. Majoriti penduduk yang tinggal di kampung ini terdiri daripada penduduk yang datang daripada pelbagai negeri, dan kebanyakannya dari negeri pantai timur iaitu Kelantan. Walau bagaimanapun, pentadbiran di kampung ini diuruskan oleh penduduk tempatan dari Mukim Ulu Cheka.

Kampung ini dikatakan agak maju kerana terdapat kilang papan dan penduduk sekitar menghuni rumah kedai. Masyarakat di kampung ini terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa, yang hidup bersama dengan harmoni, melakukan aktiviti harian tanpa sengketa. Tebing Tinggi merupakan sebuah kampung tradisional yang terletak di tebing Sungai Pahang. Jarak kawasan ini dengan bandar Jerantut adalah 12 kilometer. Setelah tahun 1974, Jerantut telah diisytiharkan sebagai sebuah kawasan parlimen sendiri yang sebelum ini berada dibawah pentadbiran kawasan Parlimen Lipis. Parlimen Jerantut pada ketika itu mempunyai lima buah DUN iaitu DUN Tahan, DUN Jenderak, DUN Bandar Jerantut, DUN Kerbau dan DUN Tembeling dari tahun 1974 sehingga 1978.


Bermula tahun 1982, 1986 dan seterusnya, telah berlaku beberapa kali persempadanan semula daerah pilihan raya oleh SPR. Parlimen Jerantut telah dikecilkan setelah berlaku beberapa kali pertukaran nama dan kawasan sehingga akhirnya parlimen ini mempunyai tiga DUN sahaja iaitu DUN Tahan, DUN Pulau Tawar dan DUN Tebing Tinggi kemudiannya ditukarkan menjadi DUN Damak.

Persempadanan pilihan raya dijalankan pada setiap 10 tahun sekali berlandaskan kepada aspek geografi dan topografi sesebuah kawasan, tahap pembangunan, demografi, kemudahan asas dan komunikasi serta kemampuan Kerajaan (Negeri dan Persekutuan) bagi menampung kos yang terlibat dalam pertambahan kerusi DUN dan Parlimen. Dalam sejarah di Malaysia, proses persempadanan pilihan raya telah dilakukan sebanyak enam kali iaitu pada tahun 1958, 1960, 1984, 2003 dan 2013. Proses persempadanan semula boleh menyebabkan berlakunya perubahan bilangan pemilih secara keseluruhan, perubahan bilangan pemilih mengikut kaum, perubahan kedudukan dan pertambahan serta pengurangan Daerah Mengundi, pertambahan kerusi DUN, perubahan kedudukan DUN dalam kawasan Parlimen serta memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya (Lihat Rajah 1).

Bagi persempadanan bahagian pilihan raya di DUN Damak pada tahun 1958, Dewan Undangan Negeri ini terletak di bawah daerah pentadbiran Lipis dengan anggaran populasi penduduk seramai 13,443 orang dan mempunyai pengundi yang berdaftar seramai 3,805 orang. Bilangan Mukim pada ketika itu adalah di Mukim Pedah, Pulau Tawar, Kelola, Tebing Tinggi, Burau, Teh dan Ulu Tembeling. Pada tahun 1960, kawasan ini mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 4,464 orang, dan bilangan Mukim pada ketika itu di Bandar Jerantut, Pulau Tawar, Luit Utara, Pedah dan juga Kuala Sentul. Seterusnya pada tahun 1974, kawasan DUN Damak

berada di N9 iaitu DUN Bandar Jerantut dan mempunyai 3 daerah mengundi iaitu di Teh dengan bilangan pemilih seramai 1,494 orang, Tebing Tinggi Kelola seramai 1,538 orang, dan di Bandar Jerantut iaitu seramai 4,029 yang membawa kepada 7,106 orang jumlah keseluruhan bilangan pengundi yang berdaftar.

Seterusnya berdasarkan persempadanan semula kawasan yang dilakukan pada tahun 1984, N11 iaitu DUN Pulau Tawar telah menyaksikan pembentukan semula bahagian pilihan raya negeri yang membawa kepada pembentukan baru daerah mengundi kepada 12 kawasan yang merangkumi kawasan yang terdiri daripada Kampung Lata Kaseh, Sungai Jan, Bandar Jerantut, Bandar Jerantut Luar, Kampung Gintong, Pedah, Pulau Tawar, Kampung Kelola, Kampung Batu Kawah, Tebing Tinggi, Kelola, Burau Utara dan Burau Selatan yang mempunyai keseluruhan jumlah pengundi yang berdaftar seramai 10,603 orang.



RAJAH 1. Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya P081 (Jerantut)
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia (Negeri Pahang)

Pembahagian kawasan pilihan raya dan persempadanan semula yang dilakukan pada tahun 1994 telah mengubah pentadbiran dari N11 iaitu DUN Pulau Tawar kepada N10 iaitu DUN Damak yang mempunyai seramai 14,815 orang jumlah pemilih daripada 17 daerah mengundi iaitu Kawasan Bukit Dinding, Kampung Batu Kawah, Tebing Tinggi, Kampung Gintong, Kampung Temin, Jeransung, Sungai Lekuk, Bandar Jerantut Luar, Sungai Jan, Bandar Jerantut Utara, Bandar Jerantut Selatan, Kampung Lata Kasah, Kampung Baharu, Kampung Som, Kampung Damak, Batu Balai dan Ulu Cheka. Seterusnya, Persempadanan Semula kawasan N10 Damak pada tahun 2003 menyaksikan pertambahan kawasan daerah mengundi daripada 17 kawasan kepada 18 kawasan, satu daerah mengundi tersebut ialah kawasan Kampung Melayu yang melengkapkan keseluruhan pemilih di DUN Damak pada tahun itu seramai 18,259 orang.

Seterusnya berdasarkan daftar pemilih yang digunakan untuk kajian semula persempadanan bahagian bahagian pilihan raya persekutuan dan negeri di dalam negeri negeri Tanah Melayu sebagaimana yang terdapat dalam notis persempadanan bertarikh 15 September 2016 menunjukkan bahawa bagi kawasan pilihan raya persekutuan bagi Parlimen 081 Jerantut, dan N10 Damak, persempadanan semula kawasan yang dijalankan menunjukkan pertambahan daerah mengundi kepada 20 kawasan iaitu Batu Balai, Kampung Damak, Kampung Koi, Kampung Som, Kampung Baharu, Kampung Lata Kasah, Bandar Jerantut Luar, Kampung Melayu, Bandar Baru, Sungai Jan, Taman Muhibbah, Inderapura, Kampung Temin, Kampung Gintong, Kampung Batu Kawah, Bukit Dinding, Tebing Tinggi, Jeransong, Sungai Lekok, dan Hulu Cheka dengan jumlah pemilih seramai 22,590 orang.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Cara Berpartisipasi Dalam Politik

Sistem demokrasi adalah satu bentuk corak pentadbiran yang membolehkan warganegara (Berumur 21 tahun dan ke atas) melibatkan diri secara aktif dalam politik negara melalui proses pilihan raya. Sistem ini juga memberi peluang kepada rakyat untuk menentukan pemimpin yang akan mentadbir negara. Sistem ini juga akan membuka peluang kepada warganegara yang telah layak mengundi dan berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membuang undi, malah turut berkempen, menghubungi wakil rakyat dan berdemonstrasi. Definisi lain partisipasi politik turut dirujuk sebagai keterlibatan warga negara dalam membuat keputusan, melaksanakan keputusan, mempengaruhi proses pengambilan keputusan, mempengaruhi kebijakan pemerintah termasuk yang berkaitan dengan keterlibatan aktif maupun keterlibatan pasif setiap individu dalam hierarki sistem politik. Penglibatan dalam politik juga ini tidak kira jantina dan lokasi.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Noraini dan Rokiah (1984) mengenai penyertaan politik dalam kalangan wanita di bandar dan di desa menunjukkan bahawa kadar pengetahuan dan penyertaan politik dalam kalangan wanita bandar dan desa adalah rendah. Kesedaran untuk menjadi ahli dan berkumpul untuk mendengar ceramah politik yang didatangkan ke kawasan masing-masing serta membuang undi adalah berdasarkan parti yang dikenali. Bagi Majelar (1993) dalam kajiannya tentang sumbangan wanita Kelantan dalam pilihan raya mendapati bahawa sumbangan wanita Melayu dapat dilihat dalam beberapa segi seperti mengundi, sebagai penceramah dari rumah ke rumah selain daripada menjadi ahli parti politik. Menurut beliau lagi wanita

Kelantan memberi sumbangan yang agak besar dalam bidang politik begitu juga dengan pengaruh undi mereka dalam memberi kemenangan kepada seseorang calon, memandangkan peratus wanita yang keluar mengundi adalah hampir sama dengan lelaki. Sesungguhnya sumbangan wanita dalam bidang politik tidak boleh dipandang remeh. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Anuar (1987) juga mendapati aspek pendidikan, kesedaran matlamat politik kaum Melayu di Kampung Majidi, Johor Bharu mempunyai hubungan yang positif dengan penyertaan politik.

Terdapat pelbagai bentuk dan jenis partisipasi politik yang melibatkan orang awam, tetapi bagi kajian yang dijalankan ini, hanya lima bentuk penyertaan politik yang ditanya kepada responden di kawasan kajian iaitu mendengar ceramah politik, menjadi pekerja parti politik membiayai/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik, menyertai hari penamaan calon, berkempen untuk parti politik dan mengundi parti politik. Jenis partisipasi mendengar ceramah politik dan mengundi parti dalam pilihan raya merupakan jenis penglibatan yang dianalisis berdasarkan pelbagai faktor yang akan dibincangkan dalam bahagian ini.

JADUAL 1. Jenis partisipasi


Jenis partisipasi	Peratus (Ya)
Mengundi parti politik	96.0
Mendengar ceramah politik	50.0
Menyertai hari penamaan calon	44.0
Berkempen untuk parti politik	25.0
Menjadi pekerja parti politik	3.0
Membiayai/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik	2.0

Berdasarkan Jadual 1, responden di kawasan DUN Damak yang terlibat dalam partisipasi jenis mendengar ceramah politik seramai 50.0 peratus, menjadi pekerja parti politik 3.0 peratus, membiayai dan menyumbangkan duit atau material kepada parti politik 2.0 peratus, menyertai hari penamaan calon 44.0 peratus, berkempen untuk parti politik 25.0 peratus dan mengundi parti politik mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu 96.0 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa responden di kawasan kajian mempunyai kesedaran yang tinggi akan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia untuk turun mengundi pada hari pilihan raya. Responden sedar tentang kepentingan rakyat untuk membuat pilihan dalam menentukan tampuk pemerintahan politik negara.

4.2 Sumber Maklumat Yang Paling Dipercayai

Hubungan antara media dan proses pilihan raya sangat sinonim. Media elektronik mempunyai peranan dan implikasi yang tertentu dalam proses demokrasi, terutamanya dari menyebarkan berita dan informasi mengenai calon-calon dan parti yang bertanding serta isu-isu yang hangat dibahaskan semasa pilihan raya umum.

Seperti mana pilihan raya yang lain, peranan media seperti media elektronik tidak terlepas daripada digembleng sepenuhnya bagi menyalurkan maklumat tentang situasi semasa, kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Penyebaran maklumat melalui media elektronik telah digunakan secara optimum sebagai salah satu medium komunikasi di antara ahli politik dan juga rakyat. Melalui televisyen, Surat khabar, radio dan internet, parti-parti politik mengambil kesempatan untuk menjelaskan dan menyampaikan maklumat bagi mendapatkan sokongan. Kecanggihan medium elektronik ini dilihat begitu berpengaruh dan meluas kerana maklumat dapat disampaikan dengan cepat. Maka dengan itu, implikasi kepada pergantungan masyarakat sesuatu sumber berjaya mempengaruhi persepsi masyarakat itu sendiri tentang sesuatu perkara dan akhirnya akan memberi kesan pada proses pemilihan calon dan parti yang mereka inginkan. Gabungan medium penyaluran maklumat ini terbukti mempengaruhi persepsi dan tindakan rakyat sehingga Malaysia menyaksikan reformasi politik yang begitu ketara setelah keputusan Pilihan Raya Umum di Malaysia diumumkan.



RAJAH 2. Sumber Maklumat Yang di Percayai.

Berdasarkan Rajah 2, 37.0 peratus responden telah memilih media elektronik sebagai media untuk mendapatkan sumber maklumat yang paling dipercayai. Media elektronik menjadi pilihan kebanyakan responden kerana dikatakan memaparkan satu maklumat atau berita disertai dengan pelbagai bentuk pembuktian yang lebih kukuh. Tambahan pula, siaran pada pukul 8 malam telah menjadikan media elektronik sebagai saluran perdana masyarakat kerana jadual waktu bekerja pejabat yang bermula dari 8 pagi sehingga 5 petang. Siaran berita umum seperti saluran elektronik perdana TV1, TV2, TV3 dan siaran media swasta Astro Awani telah mendapat perhatian masyarakat di segenap negara bagi memperoleh maklumat terkini sama ada tempatan mahupun dunia. Berdasarkan Artikel yang ditulis oleh Santha Oorjitham yang bertajuk “Asia Week Sahkan Media Utama Malaysia tidak boleh dipercayai”, antara perkara yang mengejutkan ialah keputusan kaji selidik ke atas kebolehpercayaan berita politik dalam media tempatan. Pada tahun 1999, radio telah

menduduki tempat yang pertama, diikuti oleh akhbar dan televisyen . Tetapi pada April 2002, televisyen telah menduduki kedudukan yang teratas, diikuti oleh media cetak dan radio. Peredaran zaman dan kemunculan teknologi telah mengubah corak pemikiran dan pengantungan masyarakat terhadap sumber media yang ada.

Berdasarkan kajian yang dijalankan juga mendapati bahawa pergantungan terhadap televisyen sebagai sumber media utama dalam meraih sokongan rakyat untuk memilih wakil calon dan parti yang dapat menyuarakan hasrat dan pendapat mereka di parlimen. Melalui medium televisyen, rancangan seperti debat perdana atau hujah berdasarkan aspek politik yang ditayangkan merupakan satu contoh platform pertukaran idea, idealogi, pendapat serta arus pemikiran yang berbeza dalam kalangan barisan calon pro-kerajaan dan juga pembangkang. Rakyat boleh menilai sendiri ketokohan, kredibiliti, serta kebolehpercayaan lontaran pendapat dari tokoh politik tidak kira daripada parti kerajaan atau pembangkang yang menggunakan medium ini untuk menjelaskan agenda perjuangan dan idealogi masing-masing.

4.3 Jangkaan Akan Menang Dalam Pilihan Raya Umum Akan Datang Di Kawasan Kajian

Berdasarkan Sejarah Pilihan Raya Umum yang berlaku, umum diketahui bahawa N10 DUN Damak merupakan satu kawasan yang kukuh dipegang oleh kerajaan BN sejak pilihan raya pertama diadakan. Kekalahan yang terjadi kepada BN pada PRU tahun 1990, tidak mematahkan semangat calon dan parti BN untuk kembali mendapatkan kawasan DUN Damak sebagai kawasan pemerintahan. Walau bagaimanapun, isu kemenangan tipis yang membezakan 64 undi di antara calon BN Dato' Lau Lee dengan Cikgu Koh Boon Heng yang merupakan Pengerusi DAP Jerantut serta Naib Pengerusi DAP Pahang telah menunjukkan penguasaan kerajaan BN di kawasan DUN Damak akan berubah pada PRU-14.

JADUAL 2. Jangkaan akan menang dalam Pilihan Raya Umum akan datang pada peringkat DUN Damak

Parti Politik	Peratus (Ya)
Barisan Nasional (BN)	32.0
Pakatan Harapan (PH-PKR, DAP, AMANAH & PPBM)	9.0
Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, BERJASA & PCM)	48.0
Tidak Pasti	11.0

Berdasarkan pengumuman calon mewakili parti-parti yang bakal bertanding pada PRU yang ke -14, satu analisis jangkaan parti yang akan menang bagi kawasan DUN Damak telah dilakukan memperlihatkan sokongan rakyat kepada BN untuk terus memerintah semakin berkurang. Antara yang lebih mengejutkan, BN telah menghantar calon wanita yang berbangsa Cina dan tidak fasih berbahasa Melayu menyebabkan spekulasi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap kredibiliti calon yang bertanding membawa nama BN, sebuah parti yang sudah lama memerintah kawasan DUN Damak semakin berkurang. Berdasarkan analisis terhadap soal selidik yang dijalankan, 48.0 peratus responden di kawasan kajian menjangkakan bahawa pada PRU akan datang, calon dari parti Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, BERJASA & PCM) akan menjadi wakil rakyat mereka yang baru (Lihat Jadual 2).

Hal ini kerana calon PAS yang iaitu Zuridan Md. Daud merupakan seorang calon yang dikenali oleh sebilangan besar penduduk di kawasan Parlimen Jerantut, kerana kejayaan beliau membuka pusat tahfiz di kawasan Bandar Jerantut. Selain itu, kekurangan yang dimiliki oleh calon yang dihantar oleh BN menyebabkan responden berpendapat bahawa kerajaan BN tidak peka dengan keperluan mereka dan tidak menilai calon yang sesuai untuk bertanding bagi memerintah kawasan DUN Damak. Walau bagaimanapun, jangkaan ini mungkin meleset kerana usaha semua parti untuk meraih sokongan pengundi masih dilakukan menjelang PRU yang bakal berlangsung.

5. Kesimpulan

Daripada keseluruhan kajian yang dilakukan, dapat rumuskan bahawa BN masih mempunyai peluang untuk memerintah negara pada masa-masa yang akan datang dengan syarat keadaan dalaman parti politik berada dalam keadaan yang baik dan setiap pemimpin perlu berusaha keras untuk mendapatkan kembali keyakinan dan kepercayaan rakyat yang semakin memudar kesan daripada tindak tanduk kepimpinan yang sedia ada. Pengalaman mentadbir hampir 60 tahun Malaysia, merupakan satu pengalaman yang sudah cukup untuk mengajar erti menghargai keamanan, kestabilan dan kesepaduan yang sehingga hari ini diusahakan untuk terus berada dalam keadaan yang harmoni. Pertelingkahan ataupun perebutan kuasa untuk memerintah hanya memakan diri sendiri, kerana masyarakat pada hari ini sudah matang dalam menilai kehendak dan keperluan mereka dalam menyokong sesuatu tampuk pemerintahan mengembleng tenaga berusaha untuk memakmurkan negara dan mengutamakan rakyat dalam apa jua keadaan yang berlaku.

Pengalaman yang diperoleh oleh BN menguasai kawasan DUN Damak dari pilihan raya tahun 1959 sehingga hari ini sudah cukup kuat membuktikan rakyat akan setia pada mereka yang benar benar ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara, namun apa rakyat berasa ditindas mereka berhak untuk mengubah dan mengembalikan keamanan yang mereka pernah cipta.

Parti pembangkang juga perlu melipat gandakan usaha dalam mencuba untuk membentuk kerajaan yang baru dan buktikan kepada rakyat bahawa parti pembangkang juga mempunyai matlamat dalam usaha untuk memimpin rakyat ke jalan yang lebih baik dan tidak melakukan sebarang provokasi berbentuk fitnah bagi meraih perhatian pengundi, kerana setiap perbuatan yang berniat tidak baik tidak akan diterima oleh masyarakat kerana perkara tersebut dianggap menipu bagi mendapatkan kuasa.

Rujukan

- Azman Mahadi, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: kajian kes FELDA Kuala Krau. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 126-137.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Peranan pengundi Melayu dalam pengukuhan hegemoni politik UMNO dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu dan Merlimau. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos (Editor). *Hubungan Malaysia-Indonesia: Sejarah, Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof & Muhammad Hazim Abd Ghani. (2015). Calon lama vs calon muda dalam Pilihan Raya Kecil kawasan Parlimen Rompin dan Parlimen Permatang Pauh 2015. Kertas Kerja 2nd International Conference on Human Sustainability (INSAN 2015). The Royale Bintang Resort and Spa, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. Faculty of Science, Technology and Human Development, University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. 19-20 Oktober.
- Khalida Najwa Khairuddin. (2021). Keperluan pengundi untuk mengundi di kawasan tempat bekerja: Kajian kes di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tras, Raub, Pahang. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2019). Persaingan PRU ke-14 di Pahang: pengekalan status quo melalui pertembungan tiga penjuru. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 122-136.
- Nurul Izzatie Wahab. (2019). Gelagat politik dalam Pilihan Raya Umum ke-14, 2018: Kajian kes di kawasan DUN (N.36) Pelangai, Bentong Pahang Darul Makmur. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Suresh Kumar, N.V. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: kemenangan BN atau kekalahan PH? *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(5), 1-14.